

Konvokesyen ke-3 AeU rai 1,000 graduan



» **Kali pertama
2 anugerah
ijazah kedoktoran
diperkenalkan**

Segala usaha dan keringat hampir 1,000 pelajar berbagai peringkat dan jurusan di Asia e University (AeU), 'terbayar' apabila mereka diraikan dengan penuh istiadat pada Majlis Konvokesyen kali ke-3, yang diadakan di Dewan Tuanku Canselor Universiti Malaya, di Kuala Lumpur, hari ini.

Antara yang menarik perhatian pada majlis kali ini adalah penganugerahan buat kali pertama dua ijazah pada peringkat Doktor Falsafah (PhD) dalam Pendidikan dan satu untuk Ijazah Kedoktoran dalam Pengurusan Perniagaan.

Tiga anugerah khas

Turut diraikan pada majlis yang berlangsung penuh meriah itu adalah graduan peringkat Ijazah Sarjana, Sarjana Eksekutif, Ijazah Profesional dan graduan program Diploma Lepas Ijazah.

Majlis yang merekodkan kehadiran hampir 2,300 tetamu itu turut mengumumkan tiga penerima Anugerah Khas Pengerusi dan seorang daripadanya adalah Mohd Hafiz Ibrahim, 34, graduan Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA).

"Saya tidak menjangka menerima pengiktirafan sebegini tinggi kerana di AeU, majoriti pelajar adalah mereka yang bekerja dan lazimnya mereka ini mempunyai pengalaman yang luas. Justeru, kemahiran menerima dan mengadaptasi ilmu yang diajar lebih baik.

"Ini bermakna persaingan ke arah menjadi graduan terbaik sangat sengit. Saya yakin pengiktirafan ini saya terima atas kesungguhan dan usaha yang saya curahkan serta sokongan tenaga pengajar dan keluarga," ujar Mohd Hafiz.

Selain graduan tempatan, konvokesyen kali ini turut menyaksikan kehadiran graduan dari beberapa negara ahli Asia Cooperation Dialogue (ACD) seperti Vietnam dan Sri Lanka. Turut hadir, wakil ACD, Chutintorn Gongsakdi.

Alam, Selangor.

Minat dan kesungguhan

"Tanggapan menyambung pengajian ke peringkat PhD adalah suatu yang rumit dan hanya sesuai dilaksanakan mereka yang lanjut usia adalah tidak tepat.

"Ja sebenarnya bergantung kepada minat dan kesungguhan, apatah lagi AeU menyediakan ruang waktu pengajian yang anjal berserta penyelia berkualiti dan mudah dihubungi. Ia banyak membantu saya dalam menyiapkan kajian dalam waktu yang


bertaraf antarabangsa adalah suatu yang sangat dibanggakan.

Perasaan sama turut dikongsi Tengku Farah Tengku Ismit, 44, yang juga graduan Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA) yang diraikan pada majlis konvokesyen kali ini.

"AeU benar-benar merealisasikan apa yang disebut sebagai 'pendidikan diperibadikan'. Ini dibuktikan melalui penyusunan jadual kelas mengikut keperluan individu bekerja dan secara tidak langsung turut menafikan bahawa kerjaya menjadi peng-

"la sebenarnya bergantung kepada minat dan kesungguhan, apatah lagi AeU menyediakan ruang waktu pengajian yang anjal berserta penyelia berkualiti dan mudah dihubungi"

Mohd Hafiz Ibrahim,
Graduan MBA



Beliau adalah Ketua Pengarah Bahagian Perhubungan Ekonomi Antarabangsa, Kementerian Perhubungan Luar Thailand.

Sebagaimana institusi ini mempromosikan konsep Pembelajaran Sepanjang Hayat, ia turut melahirkan graduan pada peringkat tertinggi iaitu Doktor Falsafah dan seorang dari empat graduan peringkat ini adalah Mohd Shahril Ahmad Razimi, 36, dari Shah

saya harapkan," ujar beliau yang memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam Pendidikan.

Bagi graduan dari Vietnam, Nguyen Ha Trung, sistem Pengajian Jarak Jauh (PJJ) yang dipraktikkan AeU memungkinkan beliau meneruskan pengajian dan bergelar graduan pada peringkat Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA) serta memperoleh Ijazah berkenaan dari sebuah universiti

halang kepada hasrat untuk mendapatkan pendidikan berkualiti.

"Memperoleh ijazah dari sebuah universiti bertaraf antarabangsa sememangnya wajar dibanggakan," ujar beliau yang juga pengurus kanan di sebuah firma keselamatan.

Majlis yang berlangsung secara gilang-gemilang itu turut menobatkan Profesor Datuk Dr Hasnan Said, Naib Canselor dan Pre-

siden Taylor's University sebagai penerima Ijazah Doktor Kehormat dalam Kepimpinan Pendidikan dan anugerah disampaikan Pengerusi AeU, Tan Sri Dr Syed Jalaludin Syed Salim.

Beliau dipilih sebagai penerima anugerah berdasarkan sumbangan dan jasa beliau dalam mempromosi dan memartabatkan institusi pendidikan ke tahap lebih tinggi. Beliau juga adalah individu yang banyak membantu dalam merealisasikan penubuhan AeU dan bekas Ahli Lembaga Pengarah AeU dari tahun 2007 hingga 2012.

AeU adalah universiti bertaraf antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 2007 dan idea penubuhan universiti ini datang dari Malaysia dan disokong 31 negara anggota ACD yang lain. Sejak penubuhannya, AeU menerima kemasukan melebihi 10,000 pelajar untuk program akademik dan eksekutif.

Untuk maklumat lanjut berkenaan AeU, layari laman sesawang AeU di www.aeu.edu.my atau hubungi 1-300-300-238.